

Mohamed dilantik semula Yang Dipertua Dewan Negara

KUALA LUMPUR 27 Dis.
— Tan Sri Mohamed Ya'acob dilantik semula sebagai Yang Dipertua Dewan Negara sebaik sahaja Dewan memulakan persidangannya hari ini.

Pelantikan Mohamed dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan ia dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Cadangan itu disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman.

Mohamed, 73, dalam ucapannya berharap beliau dapat menunaikan tugas yang diamanahkan dengan baik dan berkesan.

Beliau turut berharap ahli-ahli Dewan dapat menjalankan tugas dengan dedikasi dan menjadikan Malaysia bertambah maju, aman dan makmur.

Mohamed pernah menjawat jawatan Yang Dipertua Mahkamah Tengah di Muar, Johor pada 1960 setelah menamatkan pe-

ngajian undang-undang di Lincoln's Inn, England dan memperoleh ijazah Barrister-at-Law pada 1958.

Beliau telah memegang jawatan Menteri Pelajaran pada tahun 1973, Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan pada 1974 dan Menteri Perusahaan Awam (1976).

Beliau menjadi Menteri Besar Kelantan dari 1978 hingga 1990.

Sebanyak enam ahli Dewan Negara yang baru dilantik turut mengangkat sumpah sebagai senator di hadapan Mohamed.

Mereka ialah Abdillah Abdul Rahim (Sarawak), Datuk Hazizah Mohd. Sultan (Melaka), Safinah Jusoh (Terengganu), Hassan Shukri (Terengganu), Benedict Bujang Tembak (Sarawak) dan Datuk Karim Ghani (Sabah).